

PENTERJEMAHAN ARAB MELAYU BAGI KATA KERJA BERIMBUHAN *IFTA^cALA* DALAM SURAH AL-BAQARAH

THE TRANSLATED AFFIX ADDED VERBS *IFTA^cALA* IN THE SURAH AL-BAQARAH

Dr Muhammad Firdaus Abdul Manaf ¹

Dr Mariam Mat Daud ²

Mohamad Imran Ahmad ³

¹ Pensyarah dan Ketua Jabatan di Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, firdaus@kuis.edu.my

² Pensyarah Kanan dan Ketua Proqram Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua (Kepujian) di Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, mariam.mdaud@kuis.edu.my

³ Pensyarah dan Penyelaras Ijazah Sarjana Bahasa Arab Untuk Tujuan Khusus di Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, imranahmad@kuis.edu.my

Accepted date: 11 June 2018

Published date: 15 July 2018

To cite this document: Manaf, M. F. A., Daud, M. M., & Ahmad, M. I. (2018). Penterjemahan Arab Melayu Bagi Kata Kerja Berimbuhan Iftacala Dalam Surah Al-Baqarah. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 1(2), 27-41.

Abstrak: Ramai dalam kalangan penterjemah menghadapi kesukaran untuk mencari padanan terjemahan kata kerja berimbuhan Arab yang paling tepat ke dalam bahasa Melayu. Makalah ini memberikan tumpuan kepada penterjemahan kata kerja berimbuhan *ifta^cala* dalam surah al-Baqarah. Kajian ini dilakukan untuk melihat sejauh mana penterjemahan Arab Melayu ini dilakukan dengan baik terhadap kata akar yang dimasukkan dengan kata imbuhan awalan alif pada hadapan katanya dan imbuhan sisipan ta' yang diletakkan selepas huruf pertama daripada kata akar. Hanya lapan sampel ditemui dalam surah al-Baqarah yang kemudiannya dikaji menggunakan analisis kontrastif dan teori konteks. Kesimpulannya, penterjemahan dilihat berjaya kerana dilakukan dengan baik dan difahami, walau pun terdapat sedikit pengubahsuaian yang dilakukan bermatlamat menjadikan terjemahan lebih berbentuk natural sesuai dengan konteks ayat.

Kata Kunci: Padanan, Terjemahan, Imbuhan, *Ifta^cala*, Sejadi, Konteks

Abstract: Many translators find it difficult to find the most accurate equivalent to the translation of Arabic affix added verbs into Malay. This paper focuses on the translation of the affix of *ifta^cala* in surah al-Baqarah. This study was to see how far the Malay Arabic translation was done well against the root word entered by affix added of alif in front of it and insertion affix

added of ta' after the first letter of the root word. Only eight samples were found in surah al-Baqarah which were subsequently examined based on contrastive analysis and context theory. In conclusion, the translation is seen as successful because it is well done and understood, although there are some modifications that aim to make the translation more natural in accordance with the context of the verse.

Keywords: *Accurate, Translation, Affix, Ifta'ala, Context.*

Pendahuluan

Kajian makna atau lebih dikenali dengan kajian semantik merupakan istilah yang wujud pada akhir abad kesembilan belas. Ia berasal daripada perkataan Yunani iaitu '*semantikos*' yang bermaksud 'signifikan'. Perkataan ini dalam istilah moden digunakan untuk merujuk kepada bidang yang mengkaji hubungan antara perkataan dengan makna (Zubaidah Ibrahim-Bell 2006: 51). Newmark (1981: 79) menyebut bahawa teori penterjemahan yang diperoleh daripada bidang linguistik komparatif ini amat menitikberatkan kaitan sesuatu perkataan dengan makna yang ingin disampaikan. Justeru, proses ini melibatkan kesepadanan makna teks bahasa sumber dengan teks bahasa sasaran dalam mendukung fungsi yang sama dengan unsur yang terdapat antara kedua-dua bahasa tersebut.

Salah satu proses yang dilakukan dalam bidang ini ialah mencari padanan makna berdasarkan fungsi morfologi pada bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran (Puteri Rosalina Abdul Wahid 2012: 98). Menurut Muhammad Bukhari Lubis, Mohd. Fauzi Jumingan dan Khairunnawa Mohamad (1998: 7), padanan makna ini amat berkait rapat dengan kata kerja berimbuhan kerana kata kerja ini terbentuk daripada gabungan kata akar dengan kata imbuhan. Ahmad al-Hamlawi (2003: 27-33) pula menyebut bahawa setiap imbuhan tersebut memasuki sesuatu kata akar dengan membawa fungsi dan makna yang tertentu. Mohd Haris Sulaiman (2011: 17) juga menjelaskan bahawa setiap imbuhan apabila diteliti dengan mendalam satu persatu, ia akan mengetengahkan makna serta maksud tersendiri dan seterusnya mendominasi makna huruf imbuhan tersebut. Oleh itu, mengetahui makna bagi imbuhan dalam sesuatu kata kerja dengan baik amat penting, supaya makna dan maksud yang diterjemahkan itu difahami.

Ahmad Qaddur (1996: 43) menyebut bahawa pengembangan kata melalui proses pengimbuhan huruf kepada kata akar atau disebut dalam ilmu linguistik moden sebagai penambahan morfem terikat kepada beberapa *wazn* tertentu sebelum ini menghasilkan struktur atau bentuk kata terbitan yang baharu, bahkan °Abduh al-Rajihi (2008: 32) menyebut bahawa proses ini turut menghasilkan makna baharu berdasarkan konteks yang tertentu. °Ali °Abd al-Wahid (1997: 20) menjelaskan bahawa peluasan makna baharu ini ditemui melalui kata imbuhan yang memasuki sesuatu kata akar sebagai kata kerjanya. Menurut Mohd Rosdi Ismail (2003: 181), kata imbuhan tersebut membawa banyak makna tersirat dalam membentuk sesuatu kata kerja berimbuhan atau disebut dalam bahasa Arab sebagai *af'al mazidah* melalui *wazn* yang tertentu.

Sebagai contoh imbuhan awalan *hamzah* (أ) yang memasuki kata kerja *madi qa'ada* sehingga membentuk perkataan baharu iaitu *aq'ada*. Kata kerja *madi qa'ada* ialah kata akar yang bermaksud 'duduk'. Namun penambahan *hamzah* pada hadapan kata *aq'ada* membawa banyak fungsi dan salah satu daripadanya ialah *al-ta'diyah* iaitu menukarkan kata kerja tak transitif atau *fi'l lazim* kepada kata kerja transitif atau *fi'l muta'addi* dengan penambahan imbuhan apitan 'men ... kan' pada sesuatu terjemahan kata akarnya. Jika *qa'ada* bermaksud 'duduk', justeru

aq'ada pula membawa maksud 'mendudukkan' seperti ayat '*aq'adtu al-marida 'ala madja'ih*' yang bermaksud 'Saya mendudukkan pesakit itu di atas tempat pembaringannya'.

Penterjemahan Kata Kerja Berimbuhan *Ifta'ala*

Analisis ini dijalankan dengan menggunakan '*Terjemahan al-Hidayah al-Quran al-Karim*' (THQK) (2013) sebagai rujukan utama terjemahan al-Quran dan '*Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*' (KBAMD) (2006) sebagai kamus rujukan utama dalam menilai setiap penterjemahan kata Arab-Melayu. Konteks padanan terjemahan kata mengikut ketepatan fungsi makna imbuhan yang terdapat pada sampel kata kerja berimbuhan dikaji berdasarkan dua buah kitab tafsir al-Quran iaitu '*al-Tafsir al-Munir*' (TMR) (1991) yang ditulis oleh Wahbah al-Zuhayli dan '*Tafsir Mubin*' (TMN) (2009) yang ditulis oleh Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid. Sekiranya teks terjemahan berjaya mewujudkan kesejadian makna dengan teks sumber, sokongan sepenuhnya akan diberikan. Namun jika sebaliknya, terjemahan tersebut akan dikritik menggunakan pelan kritikan yang dikemukakan oleh Reiss serta Newmark dan akhirnya satu cadangan terjemahan baharu akan dikemukakan. Kajian ini dilakukan terhadap hanya lapan sampel daripada *wazn* kata kerja berimbuhan *ifta'ala* yang ditemui dalam surah al-Baqarah. Kata kerja berimbuhan *ifta'ala* ini terdiri daripada imbuhan awalan melalui penambahan kata imbuhan awalan *alif* pada hadapan katanya dan imbuhan sisipan *ta*' yang diletakkan selepas huruf pertama daripada kata akar. Berikut merupakan analisis terhadap sampel data tersebut.

Sampel 1

{ أُولَئِكَ الَّذِينَ اشْتَرُوا الضَّلَالَةَ بِالْهَدَىٰ فَمَا رَبِحَت تِّجْرَتُهُمْ وَمَا كَانُوا مُهْتَدِينَ }

(Surah al-Baqarah 2: 16)

Teks terjemahan:

Mereka itu adalah orang yang membeli kesesatan dengan petunjuk, maka tidak beruntung perniagaan mereka dan tidaklah mereka mendapat petunjuk (THQK 2013: 3).

Data dalam sampel ayat al-Quran ini merujuk kepada kata kerja *madi ishtaru* (اشْتَرُوا). Kata akar ini sebenarnya berasal daripada perkataan *shara* (شَرَى) yang bermaksud 'menjual', 'jual dengan harga yang murah', 'ambil dengan harga yang murah' atau 'mengambil' (KBAMD 2006: 1256). Kemudian ia dimasuki oleh imbuhan awalan *alif* (ا) pada hadapan kata dan *ta*' (ت) selepas huruf kedua untuk membentuk kata kerja berimbuhan *madi* baharu iaitu *ishtara* (اشْتَرَى) mengikut *wazn ifta'ala* (افتعل) yang membawa maksud 'membeli' (KBAMD 2006: 1257). Setelah itu, perkataan ini mengalami beberapa proses *ishtiqaq* dan akhirnya berubah menjadi kata kerja *madi ishtaru* (اشْتَرُوا) sebagaimana yang terdapat dalam ayat sebelum ini.

Perkataan *ishtaru* (اشْتَرُوا) yang sudah dimasuki oleh imbuhan ini turut menerima perubahan makna rujukan yang baharu. Wahbah al-Zuhayli (1998 1: 85-89) menyebut bahawa perkataan *ishtaru* (اشْتَرُوا) tersebut merujuk kepada maksud 'membeli'. Ayat tersebut sebenarnya ditujukan kepada orang-orang munafik yang mengetahui kebenaran baginda Nabi Muhammad S.A.W, namun sikap angkuh dan hasad dengki menyebabkan mereka sungguh-sungguh berusaha untuk menghancurkan umat Islam secara senyap-senyap. Tindakan mereka digambarkan dengan bahasa kiasan iaitu 'membeli kesesatan' yang bermaksud menukar iman dengan nilai kekufuran (Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid 2009 1: 30).

Berdasarkan konteks ayat, penambahan imbuhan awalan *alif* (ا) pada hadapan kata dan *ta'* (ت) selepas huruf kedua *ishtarū* (اشْتَرُوا) berfungsi sebagai *al-mubalaghah fi ma'na al-fi'l* iaitu 'melampau dalam melakukan sesuatu perbuatan'. Justeru, perkataan *ishtarū* (اشْتَرُوا) seharusnya diterjemahkan sebagai 'sungguh-sungguh membeli' dengan fungsi makna yang sedia ada. Namun, terjemahan memilih perkataan 'membeli' sahaja dengan penambahan kata imbuhan awalan 'mem' pada awal kata 'beli' untuk tujuan serta fungsi kata imbuhan tersebut (Abdullah Hassan 2006: 122-131) dan ia tepat kerana figura bahasa 'membeli kesesatan' dalam ayat di atas sudah cukup menggambarkan sikap-sikap pelakunya yang sungguh-sungguh memilih jalan kesesatan berbanding jalan kebenaran yang sedia ada.

Sampel 2

{ هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ أَسْتَوَىٰ إِلَى السَّمَاءِ فَسَوَّاهُنَّ سَبْعَ
سَمَوَاتٍ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ }

(Surah al-Baqarah 2: 29)

Teks terjemahan:

Dialah Allah yang menjadikan segala yang ada di bumi untuk kamu dan Dia berkehendak menuju langit, lalu dijadikanNya tujuh langit. Dan Dia Maha Mengetahui segala sesuatu (THQK 2013: 5).

Data dalam sampel ayat al-Quran ini merujuk kepada kata kerja *madi istawa* (استَوَى). Kata akar ini sebenarnya berasal daripada perkataan *sawiya* (سَوَى) yang membawa maksud 'menjadi lurus urusannya' (KBAMD 2006: 1216). Kemudian ia dimasuki oleh imbuhan awalan *alif* (ا) pada hadapan kata dan *ta'* (ت) selepas huruf kedua untuk membentuk kata kerja berimbuhan *madi* baharu iaitu *istawa* (استَوَى) mengikut *wazn ifta'ala* (افْتَعَلَ) yang membawa maksud 'bangkit dan berdiri lurus', 'menuju ke arahnya', 'memanjat', 'mendekati', 'menetap', 'menduduki' atau 'berkuasa' (KBAMD 2006: 1216). Setelah itu, perkataan ini mengalami beberapa proses *ishtiqaq* (اشتقاق) atau derivasi dan akhirnya berubah menjadi kata kerja *madi* (ماضي) *istawa* (استَوَى) sebagaimana yang terdapat dalam ayat sebelum ini.

Perkataan *istawa* (استَوَى) yang sudah dimasuki oleh imbuhan ini turut menerima perubahan makna rujukan yang baharu. Wahbah al-Zuhayli (1998 1: 116-122) menyebut bahawa perkataan *istawa* (استَوَى) tersebut merujuk kepada maksud 'menuju ke arahnya'. Ini bermakna ia bukannya membawa maksud 'bangkit dan berdiri lurus', 'memanjat', 'mendekati', 'menetap', 'menduduki' atau 'berkuasa'. Ayat tersebut menjelaskan kekuasaan Allah S.W.T yang menciptakan bumi. Kemudian Dia 'berkehendak menuju' ke langit iaitu mengarahkan kekuasaanNya pula untuk menciptakan tujuh petala langit (Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid 2009 1: 40-41).

Berdasarkan konteks ayat, penambahan imbuhan awalan *alif* (ا) pada hadapan kata dan *ta'* (ت) selepas huruf kedua *istawa* (استَوَى) berfungsi sebagai *al-izhar* atau 'menyatakan ...' iaitu menyatakan hendak menuju kepada sesuatu arah. Terjemahan tepat apabila memilih perkataan 'berkehendak menuju' dengan penambahan kata 'berkehendak' untuk tujuan dan fungsi imbuhan tersebut (Abdullah Hassan 2006: 136-144).

Sampel 3

{ إِنَّ الصَّافَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ ^ط فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوْ اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ

يَطُوفَ بِهِمَا ^ع وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ }

(Surah al-Baqarah 2: 158)

Teks terjemahan:

Sesungguhnya Safa dan Marwah adalah sebahagian dari syiar Allah. Maka barang siapa yang beribadah haji ke Baitullah atau mengerjakan umrah, maka tidak ada dosa baginya mengerjakan Sa'i antara keduanya. Dan barang siapa yang mengerjakan sesuatu kebajikan dengan kerelaan hati, maka sesungguhnya Allah Maha Mensyukuri kebaikan, lagi Maha Mengetahui (THQK 2013: 24).

Data dalam sampel ayat al-Quran ini merujuk kepada kata kerja *madi i'tamara* (اعْتَمَرَ). Kata akar ini sebenarnya berasal daripada kata kerja *madi 'amara* (عَمَرَ) yang bermaksud 'hidup lama', 'menjadi makmur', 'melanjutkan usia', 'membina' atau 'mentadbir' (KBAMD 2006: 1613). Kemudian ia dimasuki oleh imbuhan awalan *alif* (ا) pada hadapan kata dan *ta* (ت) selepas huruf kedua untuk membentuk kata kerja berimbuhan *madi* baharu iaitu *i'tamara* (اعْتَمَرَ) mengikut *wazn ifta'ala* (افتعل) yang membawa maksud 'memakai serban', 'menunaikan umrah', 'menuju kepadanya' atau 'mengunjungnya' (KBAMD 2006: 1613).

Perkataan *i'tamara* (اعْتَمَرَ) yang sudah dimasuki oleh imbuhan ini turut menerima perubahan makna rujukan yang baharu. Wahbah al-Zuhayli (1998 1: 116-122) menyebut bahawa perkataan *i'tamara* (اعْتَمَرَ) tersebut merujuk kepada maksud 'menunaikan umrah'. Ini bermakna ia bukannya membawa maksud 'memakai serban', 'menuju kepadanya' atau 'mengunjungnya'. Ayat tersebut menjelaskan bahawa perbuatan sai pernah dilakukan oleh orang-orang musyrikin terdahulu tetapi mereka bersai hanya untuk berhala mereka, manakala umat Islam pula bersai kerana Allah S.W.T. Justeru, tiada dosa bahkan diberi pahala bagi sesiapa yang bersai ketika 'mengerjakan umrah' walau perbuatan tersebut pernah menjadi amalan orang-orang musyrikin sebelum ini (Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid 2009 1: 116).

Berdasarkan konteks ayat, penambahan kata imbuhan awalan *alif* (ا) pada hadapan kata dan *ta* (ت) selepas huruf kedua *i'tamara* (اعْتَمَرَ) berfungsi sebagai *al-ittikhadh* atau 'mengambil sesuatu ...'. Justeru, makna yang difahami daripada kata kerja *madi i'tamara* (اعْتَمَرَ) berdasarkan fungsi tersebut ialah 'mengambil umrah'. Namun terjemahan memilih perkataan 'mengerjakan umrah' dan bukannya 'menunaikan umrah'. Penambahan kata 'mengerjakan' adalah bersesuaian dengan tujuan dan fungsi imbuhan tersebut dinyatakan (Abdullah Hassan 2006: 121). Oleh demikian, terjemahan masih tepat dan tidak menyimpang daripada maksud yang dikehendaki.

Sampel 4

{ يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَهْلِ ^ط قُلْ هِيَ مَوَاقِيتُ لِلنَّاسِ وَالْحَجِّ ^ق وَلَيْسَ الْبِرُّ بِأَنْ تَأْتُوا الْبُيُوتَ مِنْ ظُهُورِهَا

وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنِ اتَّقَى ^ق وَأْتُوا الْبُيُوتَ مِنْ أَبْوَابِهَا ^ج وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ }

(Surah al-Baqarah 2: 189)

Teks terjemahan:

Mereka bertanya kepadamu tentang bulan sabit. Katakanlah: ‘Bulan sabit adalah tanda-tanda waktu bagi manusia dan (bagi ibadah haji)’ dan bukanlah kebajikan memasuki rumah-rumah dari belakangnya, akan tetapi kebajikan itu ialah kebajikan orang yang *bertaqwa*. Dan masukilah rumah-rumah itu dari pintunya dan bertaqwalah kepada Allah agar kamu beruntung (THQK 2013: 29).

Data dalam sampel ayat al-Quran ini merujuk kepada kata kerja *madi ittaqa* (اتَّقَى). Kata akar ini sebenarnya berasal daripada kata kerja *madi waqa* (وَقَى) yang bermaksud ‘takut’, ‘menjaga daripada rosak’ atau ‘melindungi’ (KBAMD 2006: 2681). Kemudian ia dimasuki oleh imbuhan awalan *alif* (ا) pada hadapan kata dan *ta* (ت) selepas huruf kedua untuk membentuk kata kerja berimbuhan *madi* baharu iaitu *iwtaqa* (وَاتَّقَى) mengikut *wazn ifta’ala* (افْتَعَلَ). Setelah itu, perkataan ini mengalami beberapa proses *ishtiqaq* dan akhirnya berubah menjadi perkataan *ittaqa* (اتَّقَى) sebagaimana yang terdapat dalam ayat sebelum ini yang membawa maksud ‘berselindung’, ‘takut kepada Allah’, ‘menjauhi’ atau ‘berhati-hati’ (KBAMD 2006: 2681).

Perkataan *ittaqa* (اتَّقَى) yang sudah dimasuki oleh imbuhan ini turut menerima perubahan makna rujukan yang baharu. Wahbah al-Zuhayli (1998 1: 168-174) menyebut bahawa perkataan *ittaqa* (اتَّقَى) tersebut merujuk kepada maksud ‘takut kepada Allah’. Ini bermakna ia bukannya membawa maksud ‘berselindung’, ‘menjauhi’ atau ‘berhati-hati’. Ayat tersebut sebenarnya menjelaskan fungsi peredaran anak bulan yang menandakan waktu urusan manusia seperti masa ibadat haji, masa berpuasa, berzakat, kedatangan haid dan sebagainya. Kemudian disusuli dengan sikap orang-orang yang ‘bertaqwa’ ialah mereka yang selalu melakukan kebajikan seperti menghormati tuan rumah dengan meminta izin kepada mereka untuk masuk ke dalam rumah dan melalui pintu hadapan. Bukannya tanpa izin dan melalui pintu belakang sebagaimana yang dilakukan oleh orang-orang jahiliah pada zaman dahulu (Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid 2009 1: 134).

Berdasarkan konteks ayat, penambahan imbuhan awalan *alif* (ا) pada hadapan kata dan *ta* (ت) selepas huruf kedua *ittaqa* (اتَّقَى) berfungsi sebagai *al-ijtiḥad* atau menunjukkan sesuatu perbuatan itu dilakukan dengan bersungguh-sungguh. Justeru, makna yang difahami daripada kata kerja *madi ittaqa* (اتَّقَى) berdasarkan fungsi tersebut ialah takut kepada Allah dengan bersungguh-sungguh. Namun terjemahan dilihat memilih perkataan ‘bertaqwa’ dengan imbuhan awalan ‘ber ...’ untuk tujuan serta fungsi imbuhan tersebut (Abdullah Hassan 2006: 136-144) dan ia sebenarnya lebih tepat dengan konteks ayat serta tidak menyimpang daripada maksud asalnya yang dikehendaki.

Sampel 5

{ كَانَ النَّاسُ أُمَّةً وَاحِدَةً فَبَعَثَ اللَّهُ النَّبِيِّنَ مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ وَأَنْزَلَ مَعَهُمُ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِيَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ فِي مَا اختلفوا فِيهِ وَمَا اختلف فِيهِ إِلَّا الَّذِينَ أُوتُوهُ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَتْهُمْ الْبَيِّنَاتُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ فَهَدَى اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا لِمَا اختلفوا فِيهِ مِنَ الْحَقِّ بِإِذْنِهِ ۗ وَاللَّهُ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ }

(Surah al-Baqarah 2: 213)

Teks terjemahan:

Manusia itu adalah umat yang satu. (Setelah timbul perselisihan), maka Allah mengutus para Nabi sebagai pemberi khabar gembira dan pemberi ingatan dan Allah menurunkan bersama mereka Kitab yang benar untuk memberi keputusan di antara manusia tentang perkara yang mereka perselisihkan. Tidaklah berselisih tentang Kitab itu melainkan orang yang telah didatangkan kepada mereka Kitab, yaitu setelah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang nyata, kerana dengki antara mereka sendiri. Maka Allah memberi petunjuk kepada orang yang beriman tentang kebenaran yang mereka perselisihkan itu dengan kehendakNya. Dan Allah selalu memberi petunjuk kepada orang yang dikehendakiNya ke jalan yang lurus (THQK 2013: 33).

Data dalam sampel ayat al-Quran ini merujuk kepada kata kerja *madi ikhtalafa* (اختلف). Kata akar ini sebenarnya berasal daripada kata kerja *madi khalafa* (خلف) bermaksud ‘berubah’, ‘menolak’, ‘menjadi pengikut’ atau ‘memukul’ (KBAMD 2006: 660). Kemudian ia dimasuki oleh imbuhan awalan *alif* (ا) pada hadapan kata dan *ta* (ت) selepas huruf kedua untuk membentuk kata kerja berimbuhan *madi* baharu iaitu *ikhtalafa* (اختلف) mengikut *wazn ifta’ala* (افتعل) yang membawa maksud ‘berbeza’, ‘tidak sama’ atau ‘tidak bersetuju’ (KBAMD 2006: 661).

Perkataan *ikhtalafa* (اختلف) yang sudah dimasuki oleh imbuhan ini turut menerima perubahan makna rujukan yang baharu. Wahbah al-Zuhayli (1998 2: 243-252) menyebut bahawa perkataan *ikhtalafa* (اختلف) tersebut merujuk kepada maksud ‘tidak bersetuju’. Ini bermakna ia bukannya membawa maksud ‘berbeza’ atau ‘tidak sama’. Ayat tersebut menjelaskan bahawa salah satu fungsi para rasul diutuskan ialah menyelesaikan perselisihan yang berlaku dalam kalangan manusia. Lalu Allah S.W.T menurunkan kitab-kitab yang mengandungi keterangan yang benar sebagai panduan kehidupan kepada mereka. Namun selepas itu masih ada lagi dalam kalangan mereka yang ‘berselisih’ tetapi bukan lagi kerana jahil atau pun lupa, sebaliknya disebabkan hasad dengki terhadap orang-orang yang beriman itu sendiri (Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid 2009 1: 147).

Berdasarkan konteks ayat, penambahan kata imbuhan awalan *alif* (ا) pada hadapan kata dan *ta* (ت) selepas huruf kedua *ikhtalafa* (اختلف) berfungsi sebagai *al-musharakah* atau menunjukkan bahawa sikap tidak bersetuju itu ‘saling’ dilakukan secara bersama-sama dan kedua-dua pihak menerima kesan perbuatan tersebut. Berdasarkan fungsi imbuhan sebelum ini, perkataan *ikhtalafa* (اختلف) sepatutnya diterjemahkan sebagai ‘saling tidak bersetuju’. Namun terjemahan memilih perkataan ‘berselisih’ dan ia lebih tepat dengan konteks ayat serta sesuai dengan fungsi imbuhan yang terdapat dalam kata kerja tersebut. Ini kerana perkataan ‘berselisih’ perkataan seerti dengan kata ‘tidak setuju’ dan ia telah dimasuki oleh imbuhan awalan *ber...* yang berfungsi sebagai kata bangun refleksi yang menunjukkan *al-musharakah* juga atau perbuatan yang saling berbalasan antara satu sama lain (Abdullah Hassan 2006: 136-144).

Sampel 6

{ فَلَمَّا فَصَلَ طَالُوتُ بِالْجُنُودِ قَالَ إِنَّ اللَّهَ مُبْتَلِيكُمْ بِنَهَرٍ فَمَنْ شَرِبَ مِنْهُ فَلَيْسَ مِنِّي وَمَنْ لَمْ يَطْعَمْهُ فَإِنَّهُ مِنِّي إِلَّا مَنْ اغْتَرَفَ غُرْفَةً بِيَدِهِ فَشَرِبُوا مِنْهُ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْهُمْ فَلَمَّا جَاوَزَهُ هُوَ وَالَّذِينَ آمَنُوا مَعَهُ قَالُوا لَا طَاقَةَ لَنَا الْيَوْمَ بِجَالُوتَ وَجُنُودِهِ قَالَ الَّذِينَ يَظُنُّونَ أَنَّهُم مُّلتَقُوا اللَّهَ كَم مِّن فِئَةٍ قَلِيلَةٍ غَلَبَتْ فِئَةً كَثِيرَةً بِإِذْنِ اللَّهِ وَاللَّهُ مَعَ الصَّابِرِينَ }

(Surah al-Baqarah 2: 249)

Teks terjemahan:

Maka tatkala Talut keluar membawa tenteranya, dia berkata: ‘Sesungguhnya Allah akan menguji kamu dengan suatu sungai. Maka siapa di antara meminum airnya, bukanlah dia pengikutku. Dan barang siapa tiada meminumnya, kecuali menceduk seceduk tangan, maka dia adalah pengikutku’. Kemudian mereka meminumnya kecuali beberapa orang di antara mereka. Maka tatkala Talut dan orang yang beriman bersamanya menyeberangi sungai itu, orang yang telah minum berkata: ‘Tidak ada kesanggupan kami pada hari ini untuk melawan Jalut dan tenteranya’. Orang yang menyakini bahawa mereka akan menemui Allah berkata: ‘Berapa banyak yang terjadi golongan yang sedikit dapat mengalahkan golongan yang banyak dengan izin Allah. Dan Allah beserta orang yang sabar’ (THQK 2013: 41).

Data dalam sampel ayat al-Quran tersebut merujuk kepada kata kerja *madi ightarafa* (اغْتَرَفَ). Kata akar ini sebenarnya berasal daripada kata kerja *madi gharafa* (غَرَفَ) yang bermaksud ‘memotong’, ‘melipat’, ‘menggantung’, ‘menyamak’ atau ‘mencedok’ (KBAMD 2006: 1670). Kemudian ia dimasuki oleh imbuhan awalan *alif* (ا) pada hadapan kata dan *ta* (ت) selepas huruf kedua untuk membentuk kata kerja berimbuhan *madi* baharu iaitu *ightarafa* (اغْتَرَفَ) mengikut *wazn ifta’ala* (افْتَعَلَ) yang membawa maksud ‘cedok’ (KBAMD 2006: 1670).

Perkataan *ightarafa* (اغْتَرَفَ) yang sudah dimasuki oleh imbuhan ini turut menerima perubahan makna rujukan yang baharu. Wahbah al-Zuhayli (1998 2: 425-435) menyebut bahawa perkataan *ightarafa* (اغْتَرَفَ) tersebut merujuk kepada maksud ‘mencedok’. Ayat tersebut sebenarnya menceritakan kisah Talut yang keluar dari Bayt al-Maqdis bersama-sama tenteranya seramai 80,000 orang dan sampai ke kawasan tanah yang kering-kontang. Pada masa itu, mereka menghadapi kepanasan serta kehausan yang amat sangat. Maka berkata Talut kepada tenteranya, ‘Sesungguhnya Allah S.W.T akan menguji kamu dengan sebatang sungai yang terkenal dengan nama ‘Sungai Shariat’ yang terletak antara Jordan dan Palestin. Sesiapa antara kamu yang meminum airnya, maka janganlah lagi kamu menjadi tenteraku atau sahabatku. Sebaliknya mereka yang taat dan tidak merasai airnya kecuali ‘mencedok satu cedokan air’ dengan tangannya demi menghilangkan dahaga yang amat sangat, maka itu tidak mengapa’. Namun kebanyakan mereka minum sepuas-puasnya sehingga berkata, ‘Pada hari ini, kami tidak terdaya menentang Jalut dan tenteranya’. Selepas itu, Talut dengan orang-orang yang beriman sahaja yang mampu menyeberangi sungai tersebut. Walau pun jumlah mereka sedikit, mereka dapat mengalahkan tentera Jalut kerana kemenangan itu bukanlah sekadar bergantung kepada jumlah bala tentera yang ramai semata-mata, tetapi dengan limpah kurnia dan pertolongan daripada Allah S.W.T jua (Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid 2009 1: 174-175).

Berdasarkan konteks ayat, penambahan imbuhan awalan *alif* (ا) pada hadapan kata dan *ta* (ت) selepas huruf kedua *ightarafa* (اغْتَرَفَ) berfungsi sebagai *al-ittikhadh* atau ‘mengambil’ dan ‘menggunakan sesuatu’. Oleh demikian difahami bahawa kata akar *ightarafa* (اغْتَرَفَ) mempunyai pengertian ‘mengambil secedok ...’. Terjemahan memilih perkataan ‘menceduk’ dengan imbuhan awalan ‘*men ...*’ untuk tujuan dan fungsi imbuhan tersebut (Abdullah Hassan 2006: 122-131). Penggunaan imbuhan awalan tersebut tepat, namun perkataan ‘menceduk’ perlu ditukar kepada perkataan ‘mencedok’ untuk mendapatkan makna yang lebih tepat dan dikehendaki. Ini kerana perkataan ‘ceduk’ membawa maksud ‘cekung’ (KD 2016: 254), manakala perkataan ‘cedok’ baru membawa maksud ‘mengaut’ atau ‘mengambil sesuatu dengan sesuatu’ (KD 2016: 254).

Cadangan terjemahan:

Maka tatkala Talut keluar membawa tenteranya, dia berkata: ‘Sesungguhnya Allah akan menguji kamu dengan suatu sungai. Maka siapa di antara meminum airnya, bukanlah dia pengikutku. Dan barang siapa tiada meminumnya, kecuali mencedok secedok tangan, maka dia adalah pengikutku’. Kemudian mereka meminumnya kecuali beberapa orang di antara mereka. Maka tatkala Talut dan orang yang beriman bersamanya menyeberangi sungai itu, orang yang telah minum berkata: ‘Tidak ada kesanggupan kami pada hari ini untuk melawan Jalut dan tenteranya’. Orang yang menyakini bahawa mereka akan menemui Allah berkata: ‘Berapa banyak yang terjadi golongan yang sedikit dapat mengalahkan golongan yang banyak dengan izin Allah. Dan Allah beserta orang yang sabar’.

Sampel 7

{ تِلْكَ أَلْرُّسُلُ فَضَلْنَا بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ مِّنْهُمْ مَّنْ كَلَّمَ اللَّهُ وَرَفَعَ بَعْضَهُمْ دَرَجَاتٍ وَءَاتَيْنَا عِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ الْبَيِّنَاتِ وَأَيَّدْنَاهُ بِرُوحِ الْقُدُسِ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ مَا أَقْتَتَلُوا وَلَكِنْ أَلَّيْنَاهُ فَمِمْهُمْ مِّنْ ءَامِنٍ وَمِمْهُمْ مَّنْ كَفَرَ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ مَا أَقْتَتَلُوا وَلَكِنْ أَلَّيْنَاهُ فَمِمْهُمْ مَّنْ يَفْعَلُ مَا يُرِيدُ }

(Surah al-Baqarah 2: 253)

Teks terjemahan:

Rasul-rasul itu Kami lebihkan sebahagian mereka atas sebahagian yang lain. Di antara mereka ada yang Allah berkata-kata (secara langsung dengan mereka) dan sebahagiannya Allah meninggikan beberapa darjat. Dan Kami berikan kepada Isa Putera Maryam beberapa mukjizat serta Kami perkuatkan dia dengan Ruhul Qudus. Dan jika Allah mengkehendaki, nescaya tidaklah berbunuh-bunuhan orang (yang datang) setelah rasul-rasul itu, setelah datang kepada mereka beberapa keterangan, akan tetapi mereka berselisih, maka ada (pula) di antara mereka yang kafir. Seandainya Allah mengkehendaki, tidaklah mereka berbunuh-bunuhan. Akan tetapi Allah berbuat apa yang dikehendakinya (THQK 2013: 42).

Data dalam sampel ayat al-Quran ini merujuk kepada kata kerja *madi iqtatala* (اقتتل). Kata akar ini sebenarnya berasal daripada kata kerja *madi qatala* (قتل) yang membawa maksud ‘bunuh’, ‘hina’, ‘merendahkan’, ‘mendalami’ atau ‘mensia-siakan’ (KBAMD 2006: 1831). Kemudian ia dimasuki oleh imbuhan awalan *alif* (ا) pada hadapan kata dan *ta* (ت) selepas huruf kedua untuk membentuk kata kerja berimbuhan *madi* baharu iaitu *iqtatala* (اقتتل) mengikut *wazn ifta'ala* (افتعل) yang membawa maksud ‘saling berbunuh-bunuhan’ (KBAMD 2006: 1831).

Perkataan *iqtatata* (اقتاتل) yang sudah dimasuki oleh imbuhan ini turut menerima perubahan makna rujukan yang baharu. Wahbah al-Zuhayli (1998 3: 5-12) menyebut bahawa perkataan *iqtatata* (اقتاتل) tersebut merujuk kepada maksud ‘bunuh’. Ini bermakna ia bukannya membawa maksud ‘hina’, ‘merendahkan’, ‘mendalami’ atau ‘mensia-siakan’. Ayat tersebut menjelaskan bahawa setiap para rasul itu mempunyai beberapa kelebihan dan keistimewaan antara satu sama lain. Ada dalam kalangan mereka yang diturunkan kitab-kitab suci, dianugerahkan mukjizat yang amat luar biasa dan mendapat bantuan daripada malaikat Jibril AS. Jika setiap umat melihat kebenaran-kebenaran ini, mereka pasti tidak akan berkelahi atau berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Tetapi sikap ego diri dan hasad dengki menyebabkan mereka tidak patuh kepada ajaran para rasul mereka lagi (Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid 2009 1: 181-182).

Berdasarkan konteks ayat, penambahan imbuhan awalan *alif* (ا) pada hadapan kata dan *ta* (ت) selepas huruf kedua *iqtatata* (اقتاتل) berfungsi sebagai *al-musharakah* atau menunjukkan bahawa perbuatan ‘bunuh’ itu ‘saling’ dilakukan secara bersama-sama dan kedua-dua pihak menerima kesan perbuatan tersebut. Terjemahan tepat apabila memilih perkataan ‘berbunuh-bunuhan’ daripada perkataan ‘saling berbunuh-bunuhan’ kerana perkataan ‘berbunuh-bunuhan’ dengan imbuhan ‘ber ...’ pada hadapan kata sudah cukup untuk menggolongkannya sebagai kata bangun refleksi menunjukkan perbuatan yang saling berbalasan (Abdullah Hassan 2006: 136-144).

Sampel 8

{ لَا يُكْفِ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إَصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ ۗ وَاعْفُ عَنَّا وَارْحَمْنَا أَنْتَ مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ }

(Surah al-Baqarah 2: 286)

Teks terjemahan:

Allah tidak membebankan seseorang melainkan sesuai dengan kemampuannya. Dia mendapat pahala (dari kebajikan) yang diusahakannya dan mendapat seksa (dari kejahatan) yang dikerjakannya. (Mereka berdoa): ‘Ya Tuhan kami, janganlah Kamu hukum kami jika kami lupa atau kami salah. Ya Tuhan kami, janganlah Kamu bebaskan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana Kamu bebaskan kepada orang-orang yang sebelum kami. Ya Tuhan kami, janganlah Kamu bebaskan kepada kami apa yang tidak sanggup kami menanggungnya. Maafkanlah kami, ampunilah kami dan rahmatilah kami. Kamulah penolong kami, maka tolonglah kami terhadap kaum yang kafir’ (THQK 2013: 49).

Data dalam sampel ayat al-Quran tersebut merujuk kepada kata kerja *madi iktasabat* (اكتسبت). Kata akar ini sebenarnya berasal daripada kata kerja *madi kasaba* (كسب) yang bermaksud ‘mencari rezeki’, ‘mengumpul’, ‘memperolehi’ atau ‘mengerjakan’ (KBAMD 2006: 1997). Kemudian ia dimasuki oleh imbuhan awalan *alif* (ا) pada hadapan kata dan *ta* (ت) selepas huruf kedua untuk membentuk kata kerja berimbuhan *madi* baharu iaitu *iktasabat* (اكتسبت) mengikut *wazn ifta'ala* (افتعل) yang membawa maksud ‘saling berbunuh-bunuhan’ (KBAMD 2006: 1997).

Perkataan *iktasabat* (اكتسبت) yang sudah dimasuki oleh imbuhan ini turut menerima perubahan makna rujukan yang baharu. Wahbah al-Zuhayli (1998 3: 130-138) menyebut bahawa perkataan *iktasabat* (اكتسبت) tersebut merujuk kepada maksud ‘memperolehi’. Ini bermakna ia bukannya membawa maksud ‘mencari rezeki’, ‘mengumpul’ atau ‘mengerjakan’. Ayat tersebut sebenarnya menjelaskan bahawa setiap orang ‘benar-benar akan memperoleh’ atau mendapat balasan terhadap apa yang dilakukan. Bagi yang mengerjakan kebajikan, mereka akan mendapat ganjaran pahala dan akhirnya melayakkan mereka untuk masuk ke dalam syurga. Manakala yang mengerjakan perbuatan maksiat, mereka akan mendapat dosa serta azab siksa kecuali mereka yang bertaubat dan kembali kepadaNya (Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid 2009 1: 206).

Berdasarkan konteks ayat, penambahan imbuhan awalan *alif* (ا) pada hadapan kata dan *ta* (ت) selepas huruf kedua *ifta^cala* (افتعل) berfungsi sebagai *al-mubalaghah fi ma^cna al-fi^cl* iaitu ‘melampau dalam melakukan sesuatu perbuatan’. Justeru berdasarkan fungsi imbuhan tersebut, perkataan *iktasabat* (اكتسبت) sepatutnya diterjemahkan sebagai ‘benar-benar memperoleh’. Walau bagaimana pun, terjemahan memilih perkataan ‘mendapat’ dengan imbuhan awalan ‘men ...’ untuk menjelaskan fungsi imbuhan tersebut (Abdullah Hassan 2006: 122-131). Namun, ia masih tepat kerana seerti dengan perkataan ‘memperolehi’, walau pun tidak didahului dengan perkataan ‘benar-benar’ kerana pemahaman terhadap konteks urusan dosa dan pahala itu sudah menjelaskan fungsi *al-mubalaghah fi ma^cna al-fi^cl* di sisi tuhan kepada hamba-hambaNya.

Dapatan

Proses pengimbuhan huruf kepada kata akar membentuk kata kerja berimbuhan yang mengandungi banyak fungsi dan makna baharu. Imbuhan ini diterbitkan semula ke dalam bahasa Melayu samada dalam bentuk imbuhan atau penambahan perkataan untuk digabungkan dengan kata akarnya bagi membentuk kata kerja berimbuhan yang baharu. Kata-kata imbuhan yang terdapat pada *wazn ifta^cala* mempunyai enam fungsi. Antaranya ialah *al-mutawa^cah*, *al-mubalaghah fi ma^cna al-fi^cl*, *al-musharakah*, *al-ijtihad*, *al-ittikhadh* dan *al-izhar*. Berdasarkan analisis kajian terdahulu, terdapat lapan sampel didapati berasal daripada *wazn ifta^cala* tersebut. Kesemua fungsi kata imbuhan bagi *wazn* ini ditemui pada kelapan-lapan sampel tersebut kecuali fungsi *al-mutawa^cah* sahaja. Daripada lapan sampel tersebut, sebanyak dua sampel daripadanya dimasuki oleh imbuhan yang berfungsi sebagai *al-mubalaghah fi ma^cna al-fi^cl*. Fungsi ini menjelaskan perlakuan melampau dalam melakukan sesuatu perbuatan. Jadual 1 berikut menunjukkan senarai sampel tersebut.

Jadual 1: Senarai ringkas sampel yang mempunyai imbuhan dan berfungsi sebagai *al-mubalaghah fi ma^cna al-fi^cl*

Bil.	Terjemahan	Ayat	No. Ayat	No. Sampel
1.	Mereka itu adalah orang yang <u>membeli</u> kesesatan dengan petunjuk, maka tidak beruntung perniagaan mereka dan tidaklah mereka mendapat petunjuk.	{ أُولَئِكَ الَّذِينَ اسْتَرَوْا بِالْهَدْيِ الضَّلَالَةَ فَمَا رِيحَتْ يَجْرَتُهُمْ وَمَا كَانُوا مُهْتَدِينَ }	16	1

2. Allah tidak membebankan seseorang melainkan sesuai dengan mendapat seksa (dari kejahatan) (kejahatan) yang dikerjakannya ..
- 286 8
- { لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا اكْتَسَبَتْ مَا ... }

Kemudian, terdapat dua sampel lagi yang dimasuki oleh imbuhan tersebut, tetapi berfungsi sebagai *al-musharakah* pula. Ia membawa maksud bahawa sesuatu perbuatan yang ‘saling’ dilakukan secara bersama-sama dan kedua-dua pihak menerima kesan perbuatan tersebut. Jadual 2 menunjukkan secara ringkas tentang kedua-dua sampel pada *wazn ifta'ala* yang berfungsi sebagai *al-musharakah* tersebut seperti berikut.

Jadual 2: Senarai ringkas sampel yang mempunyai imbuhan dan berfungsi sebagai *al-musharakah*

Bil.	Terjemahan	Ayat	No. Ayat	No. Sampel
1.	... Tidaklah <u>berselisih</u> tentang Kitab itu melainkan orang yang telah didatangkan kepada mereka Kitab iaitu setelah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang nyata, kerana dengki antara mereka sendiri ...	{ ... وَمَا اخْتَلَفَ فِيهِ إِلَّا الَّذِينَ مِنْ أُوْتُوهُ بَعْدَ مَا جَاءَتْهُمْ الْبَيِّنَاتُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ ... }	213	5
2.	... Dan jika Allah mengkehendaki, nescaya tidaklah <u>berbunuh-bunuhan</u> orang, (yang datang) setelah rasul-rasul itu setelah datang kepada mereka beberapa keterangan ...	{ ... وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ مَا أَقْتَلْنَا الَّذِينَ مِنْ بَعْدِهِمْ مِنْ بَعْدَ مَا جَاءَتْهُمْ الْبَيِّنَاتُ ... }	253	7

Selepas itu, terdapat imbuhan yang memasuki dua sampel kata kerja dan imbuhan tersebut mengandungi maksud ‘mengambil dan menggunakan sesuatu’. Dalam bahasa Arab ia disebut sebagai *al-ittikhadh*. Kedua-dua sampel pada *wazn ifta'ala* yang dimasuki oleh imbuhan dan berfungsi sebagai *al-ittikhadh* boleh dilihat dalam Jadual 3 berikut.

Jadual 3: Senarai ringkas sampel yang mempunyai imbuhan dan berfungsi sebagai *al-ittikhadh*

Bil.	Terjemahan	Ayat	No. Ayat	No. Sampel
1.	... Maka barangsiapa yang beribadah haji ke Baitullah atau <u>mengerjakan umrah</u> , maka tidak ada dosa baginya mengerjakan sa'i antara keduanya ...	{ ... فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوْ اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا ... }	158	3
2.	... Dan barang siapa yang tidak meminumnya, kecuali <u>mencedok</u> seceduk tangan, maka mereka adalah sebahagian daripadaku	{ ... وَمَنْ لَمْ يَطْعَمْهُ فَإِنَّهُ مِنِّي إِلَّا مَنْ اغْتَرَفَ غُرْفَةً بِيَدِهِ ... }	249	6

Kemudian, terdapat satu sampel yang mempunyai imbuhan dan berfungsi sebagai *al-ijtihad*. Fungsi ini menjelaskan bahwa sesuatu perbuatan itu dilakukan dengan bersungguh-sungguh sebagaimana firman Allah S.W.T:

{ يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَهْلِ قُلْ هِيَ مَوَاقِيتُ لِلنَّاسِ وَالْحَجِّ وَلَيْسَ الْبِرُّ بِأَنْ تَأْتُوا الْبُيُوتَ مِنْ ظُهُورِهَا الْبِرُّ وَلَكِنْ مَنْ اتَّقَىٰ وَآتَىٰ الْبُيُوتَ مِنْ أَبْوَابِهَا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ }

(Surah al-Baqarah 2: 189)

Teks terjemahan:

Mereka bertanya kepadamu tentang bulan sabit. Katakanlah: ‘Bulan sabit itu adalah tanda-tanda waktu bagi manusia dan (bagi ibadah haji)’ dan bukanlah kebajikan memasuki rumah-rumah dari belakangnya, akan tetapi kebajikan itu ialah kebajikan orang yang bertakwa. Dan masukilah rumah-rumah itu dari pintunya dan bertakwalah kepada Allah agar kamu beruntung (THQK 2013: 29).

Akhir sekali, terdapat satu sampel kata kerja yang dimasuki oleh imbuhan dan berfungsi sebagai *al-izhar* iaitu ‘menyatakan dan menjelaskan’ sesuatu seperti firman Allah S.W.T:


{ هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ أَسْتَوَىٰ إِلَى السَّمَاءِ فَسَوَّاهُنَّ سَبْعَ سَمَوَاتٍ
وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ }

(Surah al-Baqarah 2: 29)

Teks terjemahan:

Dialah Allah yang menjadikan segala yang ada di bumi untuk kamu dan Dia berkehendak menuju langit, lalu dijadikanNya tujuh langit. Dan Dia Maha Mengetahui segala sesuatu (THQK 2013: 5).

Kesimpulannya, fungsi imbuhan *al-mubalaghah fi ma^cna al-fi^cl* ditemui pada dua sampel pada *wazn ifta^cala* sebelum ini. Begitu juga fungsi imbuhan *al-musharakah* didapati pada dua sampel dan fungsi imbuhan *al-ittikhadh* pula didapati pada dua yang lainnya pula. Kemudian, fungsi imbuhan *al-ijtihad* dan *al-izhar* pula ditemui pada dua sampel yang berlainan. Rajah 1 di bawah menerangkan secara ringkas kekerapan terhadap penggunaan fungsi imbuhan sisipan yang terdapat pada *wazn* kata kerja berimbuhan *ifta^cala* dalam sampel.



Rajah 1: Kekerapan fungsi imbuhan awalan *alif* pada hadapan kata dan imbuhan sisipan *ta'* selepas huruf pertama kata akar bagi kata kerja berimbuhan *ifta'ala* dalam sampel

Berdasarkan carta pai sebelum ini didapati bahawa kekerapan fungsi imbuhan pada *wazn ifta'ala* dalam sampel ialah *al-mubalaghah fi ma'na al-fi'l*, *al-musharakah* dan *al-ittikhadh*. Masing-masing mewakili sebanyak 25% setiap satu daripadanya. Kemudian ia diikuti oleh *al-ijtihaad* yang ditemui pada satu sampel sahaja iaitu bersamaan dengan 12.5% daripada keseluruhan sampel. Begitu juga fungsi imbuhan iaitu *al-izhar* yang didapati pada satu sampel lain dan mewakili sebanyak 12.5% daripada keseluruhan sampel yang sama.

Rujukan

Al-Quran al-Karim.

Abdullah Hasan. 2003. *Tatabahasa Bahasa Melayu, Morfologi dan Sintaksis Untuk Guru dan Pelajar*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Antar, °Abd al-Hamid. 1994. *Tasrif al-Af'āl wa Muqaddimat al-Sarf*. Madinah: Matabi° al-Jami°ah al-Islamiyyah bi al-Madinah al-Munawwarah.

Ar-Rahmah Terjemahan al-Hidayah al-Quran al-Karim. 2013. Batu Caves: Al-Hidayah House of Qur'an Sdn Bhd.

°Abd al-Hamid, Muhammad Muhyi al-Din. 1991. *Mughni al-Labib °an Kutub al-A°arib*. Beirut: al-Maktabah al-°Asriyyah.

°Abd al-Hamid, Muhammad Muhyi al-Din. 2003. *Durus al-Tasrif*. Beirut: al-Maktabah al-°Asriyyah.

°Abd al-Wahid, °Ali. 1997. *Asbab al-Nuzul*. Dammam: Dar al-Islah.

al-Hamlawi, Ahmad Muhammad Ahmad. 2003. *Shadha al-°Arf fi °Ilm al-Sarf*. Beirut: Dar al-Fikr.

Kamus Besar Arab-Melayu Dewan. 2006. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Mohd Haris Sulaiman. 2011. *Penguasaan Kemahiran Penterjemahan Perkataan Arab Berimbuhan di Kalangan Pelajar IPTA*. Disertasi Sar: Universiti Malaya.

Mohd Rosdi Ismail. 2003. *Bahasa Arab Mikro; Binaan Kata & Fungsi Makna*. Kota Bharu: Arabic Language & Consultancy.

Mohd Zaki Abd Rahman & Che Radiah Mezah. 2010. *Ciri-ciri Bahasa Arab: Fonetik, Morfologi & Sintaksis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Muhammad Bukhari Lubis, Mohd. Fauzi Jumingan dan Khairunnawa Mohamad. 1998. *Penerjemahan Arab Melayu Arab; Peraturan & Dasar*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Newmark, Peter. 1981. *Approaches to Translation*. Oxford: Pergamon Press.
- Newmark, Peter. 1986. *The Art of Translating Narrative Discourse*. London: Oxford Press.
- Newmark, Peter. 1988. *A Textbook on Translation*. London: Prentice-Hall International.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. 2012. *Meneroka Penerjemahan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Qaddur, Ahmad Muhammad. 1996. *Mabadi' al-Lisaniyyat*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Qubawah, Fakhr al-Din. 1994. *Tasrif al-Asma' wa al-Af' al*. Beirut: Maktabat al-Ma'arif.
- al-Rajihi, 'Abduh Sharaf al-Din 'Ali. 2008. *Al-Tatbiq al-Sarfi*. Beirut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.
- Salahudin Abdullah & Omar Khalid. 2009. *Tafsir Mubin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- al-Sayyid, 'Abd al-Hamid. 2009. *Al-Mughni fi Ilm al-Sarf*. Aman: Dar Safa' li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Terjemahan al-Hidayah al-Quran al-Karim*. 2013. Selangor: Al-Hidayah House of Quran Sdn Bhd.
- Zubaidah Ibrahim-Bell, Abdul Rahim Mat Yassim & Supramani a/l Shoniah. 2006. *Kajian Bahasa dan Terjemahan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- al-Zuhayli, Wahbah. 1998. *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Syari'ah wa al-Manhaj*. Damascus: Dar al-Fikr.